

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22 MARCH 2017

Sektor pertahanan terus diperkasa

BH- 22/3/2017

➔ Malaysia pastikan pasukan keselamatan miliki kelengkapan terbaik: PM

Oleh Adha Ghazali,
Alzahrin Alias, Mustakim
Ramli dan Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

✦ Langkawi

Malaysia akan terus memberi penekanan kepada perbelanjaan sektor pertahanan yang cukup penting bagi memastikan integriti wilayah dan keselamatan negara kekal terjamin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata perbelanjaan pertahanan negara akan terus meningkat selepas Angkatan Tentera Malaysia (ATM) memulakan pelan jangka panjang untuk memodenkan dan menaik taraf peralatan mereka.

Katanya, cukup penting untuk memastikan pasukan keselamatan negara dilengkapi kelengkapan terbaik, terutama apabila peranan industri pertahanan mula berubah secara dramatik.

Beliau berkata, Malaysia melihat aspek itu secara serius dengan memperuntukkan RM26 bilion melalui Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) untuk memenuhi keperluan pertahanan, keselamatan awam dan penguatkuasaan.

LIMA platform terbaik

“Cabaran baharu yang dihadapi memerlukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) berterusan dan ia turut mencetus peningkatan dalam kos keseluruhan, selain harga produk dan perkhidmatan.

“Perajurit kita harus dibekalkan

Fakta
nombor

RM26 BILION

peruntukan pertahanan, ketenteraman awam, penguatkuasaan RMK-11

RM5.53 BILION

nilai eksport produk aeroangkasa khususnya alat ganti, komponen

dengan keupayaan diperlukan dan LIMA adalah platform terbaik menghimpunkan firma maritim dan aeroangkasa dari seluruh dunia,” katanya ketika berucap merasmikan LIMA 2017 di sini, semalam.

Katanya, Malaysia sangat bangga kerana LIMA terus menjadi laluan masuk berkesan kepada satu daripada pasaran terbesar aeroangkasa serta maritim dunia, malah menjadi kalendar acara global utama.

Perdana Menteri turut yakin Malaysia mampu berperanan sebagai negara teraju dalam sektor aeroangkasa, khususnya di Asia Tenggara, sekali gus memenuhi keperluan pasaran industri yang disasar mencatat pulangan RM55.2 bilion setahun menjelang 2030.